

TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
JOHOR BAHRU, JOHOR
PERASMIAN MESYUARAT AGUNG BADAN AMAL TENAGA ISTERI
WAKIL-WAKIL RAKYAT NEGERI JOHOR (JUITA)
08 OGOS 1995

1. Terlebihdahul saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana pada pagi yang amat berbahagia ini, kita sama-sama dapat hadir di Majlis Mesyuarat Agung Badan Amal Tenaga Isteri Wakil-Wakil Rakyat Negeri Johor (JUITA). Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya juga kepada JUITA kerana memberi penghormatan kepada saya untuk merasmikan Mesyuarat Agung ini, yang mana ia juga memberi kesempatan kepada saya untuk berjumpa dan beramah mesra dengan ahli-ahli JUITA Negeri Johor.

2. Sesungguhnya saya berasa bangga kerana dalam usia yang masih muda, JUITA, setelah menghadapi beberapa rintangan, telah berjaya menunjukkan keupayaan dan kemampuannya untuk bergerak aktif sebagai badan kebajikan sukarela yang dinamik. Walaupun arih 16 Ogos akan datang menandakan baru cukup setahun JUITA ditubuhkan, badan ini telah melancarkan beberapa Projek Penyayang yang saya anggap sangat berkesan dan memberi manfaat kepada masyarakat.

3. Selaku penasihat JUITA, saya ingin menasihatkan isteri-isteri Wakil-Wakil Rakyat supaya menunjukkan minat yang gigih dan menyokong kegiatan-kegiatan JUITA yang telah dirancangan. Jangan lupa bahawa sebagai isteri Wakil Rakyat, kita mesti prihatin dengan masalah masyarakat di kawasan Dewan Undangan Negeri suami masing-masing. Kia harus mendekati masyarakat dengan mengadakan aktiviti-aktiviti JUITA di peringkat daerah. Saya difahamkan setakat ini JUITA dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pendidikan dan Jabatan Kesihatan Negeri telah melancarkan dua Projek Penyayang. Peranan aktif yang dimainkan oleh ahli-ahli JUITA di dalam membantu menggerakkan program pemulihan dalam komuniti Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan mendirikan pusat-pusat harian untuk kanak-kanak istimewa di sekitar kawasan Dewan Undangan Negeri, adalah dipuji. Program ini dapat melatih kanak-kanak istimewa supaya lebih berdikari di samping meringankan bebanan yang ditanggung oleh ibu bapa kanak-kanak tersebut.

5. Begitu juga dengan Projek Juitaku Sayang yang bertujuan mewujudkan sudut bacaan dan pusat sumber bagi kanak-kanak di hospital-hospital di setiap daerah dalam negeri Johor. Projek ini dapat membantu kanak-kanak yang terpaksa menerima rawatan jangka panjang di hospital-hospital dalam negeri Johor supaya tidak ketinggalan dalam alam pendidikan mereka.

6. Saya telah dimaklumkan juga bahawa JUITA akan melancarkan satu lagi projeknya di peringkat kampung-kampung, iaitu dengan menganjurkan siri ceramah bimbingan kerjaya bersama dengan PIBG di peringkat sekolah-sekolah di kawasan kampung.

7. Kesemua projek yang telah dirancang dan dilancarkan seperti yang saya sebutkan tadi menunjukkan komitmen ahli JUITA dan keprihatinan isteri Wakil-Wakil Rakyat Johor kepada masalah masyarakat setempat bagi melahirkan masyarakat yang prihatin dan penyayang.

8. Di samping aktiviti-aktiviti kebajikan yang dijalankan, JUITA tidak ketinggalan mengadakan aktiviti-aktiviti sukan dan sosial. Selaku penasihat saya mengalu-alukan penyertaan Pasukan Badminton JUITA di dalam perlawanan badminton tahunan Piala Pusingan Perdana dan perlawanan-perlawanan persahabatan dengan badan-badan kebajikan yang lain. Moga-moga Pasukan Badminton JUITA akan terus beroleh kejayaan demi kejayaan.

9. Di dalam kita sibuk menghadapi hidup di zaman yang serba moden ini dengan pertumbuhan ekonomi yang begitu pesat dan ditambah pula dengan kesibukan kita menjalankan kerja-kerja persatuan, kita tidak harus lupa tanggungjawab kita terhadap keluarga. Apalah ertinya kemewahan jika kehidupan keluarga menjadi kucar-kacir, anak-anak terbiar tanpa belaian kasih sayang atau pemerhatian ibu apa. Kegiatan-kegiatan negatif dan keruntuhan moral yang berlaku di kalangan anak-anak remaja sekarang sangat membimbangkan kita. Kebanyakan kejadian ini berlaku disebabkan oleh kelalaian dan kegagalan ibu bapa mengawasi kegiatan anak-anak.

10. Keutuhan nstitusi keluarga perlu kita tingkatkan terus. Ini adalah asas utama kepada keharmonian dan kesejahteraan hidup masyarakat. Lebih-lebih lagi dalam usaha kita mencapai matlamat Wawasan 2020. Negara maju adalah negara yang bukan saja rakyatnya hidup mewah dan senang, tetapi juga rakyatnya mempunyai moral dan berkeperibadian mulia.

11. Akhir sekali, saya mengucapkan syabas kepada JUITA kerana telah berjaya menghasilkan 'Suara JUITA' keluaran pertamanya bagi menerangkan kepada masyarakat mesej perjuangan badan ini dan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan. Moga-moga majalah seumpama ini akan terus dapat dikeluarkan dari semasa ke semasa.

12. Saya sekali lagi ingin merakamkan penghargaan yang tinggi kepada pemimpin dan ahli-ahli JUITA Negeri Johor di atas usahausaha di dalam menjalankan kegiatan-kegiatan kebajikan, sukan dan sosial.

13. Saya berdoa agar JUITA akan terus beroleh kejayaan cemerlang di masa-masa akan datang.

14. Dengan harapan dan doa ini, saya dengan lafaz 'Bismillahir rahmanir rahim' merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan JUITA 1995.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.